

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.10.2015

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) berapakah kutipan GST dari 1 April hingga 30 September 2015 berbanding kutipan SST 1 April hingga September 2014; dan

(b) berapakah kadar inflasi yang berkait dengan GST 1 April hingga 30 September 2015 untuk sektor perkhidmatan, kos barangan, pengangkutan dan kos sara hidup.

JAWAPAN

- a. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) bagi tempoh 1 April hingga 30 September 2014 adalah sebanyak RM8.749 bilion. Manakala jumlah kutipan GST akan diumumkan semasa pembentangan Bajet 2016.
- b. Indeks Harga Pengguna bagi bulan Mac 2015 adalah pada 0.8% manakala bagi bulan April 2015 pula adalah pada 1.8% iaitu peningkatan sebanyak 1.0%. Kenaikan ini adalah konsisten dengan unjuran asal kesan inflasi daripada pelaksanaan GST iaitu sebanyak 1.08%. Walau bagaimanapun, kenaikan purata kadar inflasi dari tempoh April sehingga Ogos 2015 adalah sebanyak 2.5%. Kenaikan ini secara asasnya adalah dipengaruhi oleh faktor lain seperti penurunan nilai matawang ringgit. Dari tempoh bulan April 2015 sehingga September 2015, nilai matawang ringgit telah menyusut 19.7% berbanding dolar AS, 18.3% berbanding paun sterling, 20.8%

berbanding euro dan 19.1% berbanding yen Jepun. Ringgit turut merosot 8.9% hingga 17.7% berbanding semua pasaran serantau dalam tempoh yang sama.